

MKN bertindak tegas pencerobohan tanah di Lojing

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

penarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 26 MEI

TIDAK hanya di Cameron Highlands, Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan turut bertindak tegas ke atas pencerobohan di tanah tinggi Lojing, Kelantan yang telah berlarutan selama lima tahun lalu.

Pemantauan yang dilakukan MKN mendapati kejadian pencerobohan semakin menjadi-jadi dengan kewujudan kebun baharu selain yang lama.

Gambaran daripada imej satelit sahaja sudah cukup menunjukkan betapa rakusnya kegiatan yang meragut kelestarian alam

semulajadi itu semata-mata untuk mengaut keuntungan mudah.

Setiausaha MKN, Datuk Seri Alias Ahmad yang kesal dengan kemusnahan alam sekitar di kawasan bersempadan Cameron Highlands, Pahang itu telah mengarahkan siasatan terperinci dilakukan.

“Kita sedang mengenal pasti yang mana satu aktiviti pertanian beroperasi dengan kebenaran pihak berkuasa dan yang mana diteroka secara haram.

“Tindakan akan diambil bukan sahaja terhadap peneroka haram tetapi juga kepada peneroka yang tidak mematuhi undang-undang yang berkaitan EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar),” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* mendedahkan pulangan lumbayan dalam industri pertanian dan denda yang mampu dibayar dikatakan antara punca utama pekebun haram tidak serik untuk menceroboh kawasan Cameron Highlands walaupun Op Gading untuk memusnahkannya telah dilaksanakan.

Perkara berkenaan dipandang serius oleh MKN yang akan bertindak agresif untuk membendung sebarang bentuk pencerobohan di Cameron Highlands.

Menurut Alias, kegiatan pencerobohan di Lojing turut mendapat perhatian yang sama daripada MKN untuk mengelakkan kemusnahan yang lebih dahsyat.

“MKN akan memanggil satu

mesyuarat melibatkan pihak berkuasa Persekutuan dan kerajaan negeri Kelantan pada bulan hadapan untuk mendapatkan maklumat dan menyusun tindakan yang lebih bersepadu,” katanya.

Februari lalu, media telah melaporkan beberapa kejadian hakisan dan tanah runtuh di Jalan Gua Musang-Lojing sejak lebih tiga bulan lalu sehingga mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

Pada tahun 2014, media juga pernah melaporkan keghairahan pengusaha ladang sayur yang mengambil pekerja asing bekerja sehingga mewujudkan rasa tidak selesa dalam kalangan penduduk di sekitar Lojing.



ALIAS AHMAD (dua dari kiri) tertarik dengan tanaman petani ketika meninjau perjalanan Op Gading Fasa Dua di Cameron Highlands, Pahang, kelmarin.



Kita sedang mengenal pasti yang mana satu aktiviti pertanian beroperasi dengan kebenaran pihak berkuasa dan yang mana diteroka secara haram. Tindakan akan diambil bukan sahaja terhadap peneroka haram tetapi juga kepada peneroka yang tidak mematuhi undang-undang yang berkaitan EIA (Penilaian Impak Alam Sekitar).”

ALIAS AHMAD
Setiausaha Majlis
Keselamatan Negara